

# Dr M tidak tahu sekatan tamat bulan depan

BH 10 JUN 1994

(P)

MUAR, Khamis - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak tahu menahu mengenai kemungkinan kerajaan menarik balik sekatan terhadap pemberian kontrak kerajaan kepada firma Britain dalam tempoh enam minggu seperti disebut Menteri Perdagangan Britain, Richard Needham.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Needham

mengenai perkara itu, Perdana Menteri berkata, beliau tidak mendapat sebarang maklumat mengenai perkara itu.

"Saya tidak tahu, mungkin dia dapat maklumat yang saya belum dapat," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan Perdana Barisan Nasional Johor di Dewan Jubli Intan di sini.

Semalam Needham dilaporkan sebagai berkata bahawa sebarang keputusan mengenai perkara itu berkemungkinan besar diambil dalam masa satu hingga enam minggu lagi.

Needham, yang mengadakan lawatan rasmi empat hari mulai Sabtu lalu berkata, Britain berkemungkinan tertekan untuk mengambil tindakan balas.